



ANALISIS DATA PETAK KAJIAN TUMBESARAN (*GROWTH PLOT*) DI SEMENANJUNG MALAYSIA SEHINGGA TAHUN 2023

Ahmad Fadzil bin Abdul Majid¹, Aldrich Richard¹, Rosaizan Haryani binti Rosli¹, Mohd Faris bin Sobri¹, Azuan bin Mohd Sukri¹, Nurul Huda binti Jamaluddin¹

¹Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jalan Sultan Salahuddin, 50660 Kuala Lumpur.

E-mails: ahmadfadzil@forestry.gov.my, aldrich@forestry.gov.my, rosaizan@forestry.gov.my, faris@forestry.gov.my, azuan@forestry.gov.my, huda@forestry.gov.my

ABSTRACT

Petak Kajian Tumbesaran (*Growth Plot*) di Hutan Simpanan Kekal (HSK) ini mula ditubuhkan pada tahun 1992 dengan tujuan untuk menilai keupayaan pemulihan dan potensi pengeluaran hutan yang telah dijalankan kerja pengusahasilan hutan. Kajian ini merangkumi maklumat stok dirian, luas pangkal dan isipadu pokok sehektar; purata pertumbuhan diameter pokok tahunan; purata pertumbuhan luas pangkal dan isipadu pokok tahunan sehektar serta peratus kematian dan penokokan pokok tahunan. Sejumlah 96 Petak Kajian Tumbesaran telah ditubuhkan pada peringkat awal penubuhan dan sehingga Jun 2024 sejumlah 82 petak kajian yang masih diteruskan bancian semula dilapangan. Reka bentuk Petak Kajian Tumbesaran (*Growth Plot*) ini adalah berdasarkan reka bentuk bancian sebelum dan selepas tebangkan yang digunapakai oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM). Setiap petak kajian bersaiz 100m x 100m yang mengandungi 25 petak kuadrat bersaiz 20m x 20m dan sembilan (9) sub kuadrat bersaiz 10m x 10m. Data bancian dianalisis dengan menggunakan Sistem Kajian Tumbesaran dan Pengeluaran (*Growth and Yield*) dan Inventori Hutan Nasional (IHN).

Secara keseluruhannya, pertumbuhan diameter pokok tahunan yang berukuran 30 cm dpd dan ke atas adalah sebanyak **0.35 cm/tahun**. Pertumbuhan diameter pokok tahunan tertinggi dicatatkan oleh Dipterokarpa iaitu dengan jumlah sebanyak **0.45 cm/tahun** dan Bukan Dipterokarpa sebanyak **0.38 cm/tahun**. Manakala pertumbuhan diameter pokok tahunan bagi Spesies-spesies Lain Tidak Berpasaran adalah sebanyak **0.41 cm/tahun**. Bilangan pokok yang dicatatkan bagi pokok yang bersaiz lebih daripada 10 cm dpd ialah sebanyak **344.68 pokok/ha**.

Kata kunci : Petak Kajian Tumbesaran (*Growth Plot*), Hutan Simpanan Kekal (*Permanent Reserved Forest*), *Forest Inventory*